


# INDAH dan AJAIBNYA REZEKI



## DIA Maha Kaya

Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu sekalian di bumi dan Kami jadikan untuk kamu di bumi pelbagai sumber penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

*Al-A'raf 7: 10*

MUHD KAMIL IBRAHIM  
BERSAMA RAKAN-RAKAN



# Autograf

Khas untuk Tun Mahathir  
yang di kasihi

Ahmad Haris Azrai

Jeniri Amir

Ahmad Nawawi Yaakob

Khairul Anuar Basri

Aini Iman

Khuzzaifah Kamazlan

Azhar Abd Ghani

Mohd Syahrizal

Azura Kamarudzzaman

Mohd Yazid Ismail

Darma Mohammad

Mohd Zaini Ariff

Hassanuddin Nassaruddin

Muhd Kamil Ibrahim

Iera Yusoff

Muzayyanah Abdullah



# Autograf

Nasrudin Mohammed

Roslan Ab Hamid

Nik Salida Suhaila Nik Saleh

Roslan Mohamed

Normah Omar

Rosli Ismail

Nur Solihah Ibrahim

Roza Roslan

Rabiah Latif

Siti Nvnaidah Mohd Tipi

Rafidah Roslan

Suriati Shamsuddin

Rashidah Mohammad

Tiny Azleen Yahaya

100  
FOC

# INDAH dan AJAIBNYA REZEKI



# INDAH DAN AJAIBNYA REZEKI

Cetakan Pertama 2024

© **Galeri Ilmu Sdn. Bhd.**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

**Muka Taip Teks:** Neutra Text

**Saiz Muka Taip:** 11 pt



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7556-71-0

**Ketua Pegawai Eksekutif**

Haji Mohd Yusri  
Mohd Yusof

**Ketua Pegawai Kewangan**

Puan Hasmah Marzuki

**Ketua Pegawai**

**Penerbitan**

Haji Badrul Hisham Shari

**Ketua Pegawai Operasi**

Haji Shafie Hashim

**Ketua Editor**

Haji Zakaria Sungib

**Pengurus Pengeluaran**

Haji Wan Mohd Azmin  
Wan Dolah

**Pengurus Jualan**

**& Edaran**

Haji Zamri Shawal

**Pengurus Editorial**

Suraiya Pauzi

**Editor Perolehan**

Ahmad Choirur Roziqin

**Editor**

Suraiya Pauzi

**Reka Bentuk Kulit**

Mislan Samsuri

**Reka Letak**

Fauzi Hamid



Galeri Ilmu

**Galeri Ilmu Sdn. Bhd.**

No. 44, Astana Karya,  
Jalan Pekaka 8/3,  
Seksyen 8, Kota Damansara,  
47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: 03-614 21 614

Faks: 03-614 21 611


Laman web: [www.galeriilmu.com.my](http://www.galeriilmu.com.my)

E-mel: [info@galeriilmu.com.my](mailto:info@galeriilmu.com.my)

Dicetak oleh:

**Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.**


No. 143, Jalan KIP 8,  
Taman Perindustrian KIP,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.



YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# INDAH dan AJAIBNYA REZEKI

PUSTAKA PERDANA



1013676

## DIA Maha Kaya

Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu sekalian di bumi dan Kami jadikan untuk kamu di bumi pelbagai sumber penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

*Al-A'raf 7: 10*

MUHD KAMIL IBRAHIM  
BERSAMA RAKAN-RAKAN

# KANDUNGAN

Kesyukuran..... x

*Roslan Ab Hamid*

Prolog: Indahnya Rezeki Menulis..... xii

*Khuzaiyah Kamazlan*

Bab 1 Ar-Razzaq Pemberi Rezeki..... 1

Bab 2 Tuntutan Mencari Rezeki..... 8

*Darma Mohammad*

Bab 3 Monolog Rezeki..... 17

Bab 4 Kecukupan Itu Indah..... 24

*Roslan Ab Hamid*

Bab 5 Satu Hari Di Laman Puteri..... 30

Bab 6 Secangkir Kopi Dan Setampuk Lamunan..... 37

*Aini Iman*

Bab 7 Anak-anak Kiriman Tuhan..... 44

Bab 8 Cintanya Rezeki Teragung..... 51

*Rashidah Mohammad*

Bab 09 Maafkan Dia..... 59

Bab 10 10 Kali Lipat..... 66

*Muzayyanah Abdullah*

Bab 11 Jangan Ada Hari Tanpa Al-Quran..... 74

Bab 12 Mahligai Buat Bonda..... 82

*Rabiah Latif*

Bab 13 Usaha Doa Dan Tawakal..... 89

Bab 14 Mengubah Nasib Keluarga..... 97

*Rosli Ismail*

Bab 15 Nasi, Telur Dan Budu..... 105

Bab 16 Rosa Dan Ford Ranger..... 112

*Mohd Syahrizal Aman*

Bab 17 Terbang Tinggi Di Langit Biru..... 119

Bab 18 Suri Hati Mr Pilot..... 128

*Iera Yusoff*

Bab 19 Usah Kufur Nikmat..... 137

Bab 20 Kasih Sayang Allah..... 145

*Hassanuddin Nassaruddin*

Bab 21 Kesyukuran Yang Ditangisi..... 154

Bab 22 Kemanusiaan Tanpa Sempadan ..... 161

*Azura Kamarudzzaman*

Bab 23 Ilmuku Hanya Setitis..... 168

Bab 24 Berbahagialah Duhai Ibu..... 175

*Azhar Abd Ghani*

Bab 25 Dia Tempat Memohon Hajat..... 183

Bab 26 Memberi Tidak Berkurang..... 189

*Rafidah Roslan*

Bab 27 Durian, Rambutan Dan Mangga..... 197

Bab 28 Zuriat..... 204

<i>Roslan Mohamed</i>	
Bab 29	Menimba Ilmu Di Riyadh..... 210
Bab 30	Rezeki Di Antara Dua Rumah..... 217
<i>Normah Omar</i>	
Bab 31	Kad Insurans VIP..... 223
Bab 32	Daku Anak Yatim..... 231
<i>Khairul Anuar Basri</i>	
Bab 33	Upah Kesabaran..... 238
Bab 34	Posmen Rezeki..... 244
<i>Tiny Azleen Yahaya</i>	
Bab 35	Zuriat Dan Kelahiran..... 250
Bab 36	Sijil Untuk Mak..... 257
<i>Ahmad Nawawi Yaakob</i>	
Bab 37	Segamat Bumi Bertuah..... 263
Bab 38	Makna Satu Kesusahan..... 270
<i>Suriati Shamsuddin</i>	
Bab 39	Terkenal Di Langit..... 276
Bab 40	Anak Istimewa..... 283
<i>Mohd Yazid Ismail</i>	
Bab 41	Terbaik Di Sisinya..... 290
Bab 42	Pertolongan-Mu Kupinta..... 296
<i>Siti Nuraidah Mohd Tipi</i>	
Bab 43	Indahnya Malam Pertama..... 302
Bab 44	Aku Pasrah..... 310

*Mohd Zaini Ariff*

Bab 45	Isteri Baharuku Ustazah.....	318
Bab 46	Cencaru Makan Petang.....	324

*Jeniri Amir*

Bab 47	Perancang Agung.....	332
Bab 48	Rezeki Untuk Dikongsi.....	341

*Nasrudin Mohammed*

Bab 49	Anugerah.....	351
Bab 50	Terminal Rezeki.....	357

*Nik Salida Suhaila Nik Saleh*

Bab 51	Pertanyaan Yang Indah.....	363
Bab 52	Anugerah Bukan Biasa.....	370

*Nur Solihah Ibrahim*

Bab 53	Anak Soleh-Solehah.....	378
Bab 54	Rezeki Suri Rumah.....	386

*Ahmad Haris Azrai*

Bab 55	Ayahku Seorang Da'i.....	396
Bab 56	Annathashianur Raheimi.....	403

*Roza Roslan*


Bab 57	Segunung Hutang.....	412
Bab 58	Wanita Cina Solehah.....	420

*Muhd Kamil Ibrahim*

Bab 59	Usah Berkira.....	427
Bab 60	Mati Itu Pasti.....	435

*Tiny Azleen Yahaya*

Monolog: Bertiwikrama.....	441
----------------------------	-----



# KESYUKURAN

**I**ndah dan Ajaibnya Rezeki buku pelbagai kisah gabungan 30 orang penulis dari pelbagai latar. Ada tokoh terkenal, sasterawan, penulis prolifik, pendakwah selebriti, pensyarah, pesara, ayah dan ibu serta mereka yang tidak pernah dikenali di mata umum.

Seluruh kehidupan itu adalah rezeki anugerah Allah ﷻ. Namun bezanya - sama ada kita bersyukur atau tidak - bagaimana setiap penulis mencatatkan pelbagai peristiwa yang kelihatan kecil dan terpinggir tetapi signifikan dalam hidup mereka.

Secara diam-diam kami mengajak khalayak agar melihat ke dalam diri betapa begitu banyak rezeki yang telah dianugerahkan.

Pertanyaan, *"Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?"*

Pertanyaan di atas diulang-ulang melalui Surah Al-Rahman agar kita melihat perjalanan kehidupan dengan penuh rasa syukur, redha dan terus menghampirkan diri kepada-Nya. Moga kita - akhirnya - mendapat rezeki tertinggi, 'memasuki

syurga tanpa dihisab' dan setiap penulis dan khalayak akan bertemu dan mengucap salam selamat di sana.

Terima kasih kepada semua penulis yang bersama saya sepanjang siri “Pascakehidupan Kedua” yang telah dianugerahkan oleh Allah ﷻ setelah pernah satu ketika nyawa saya sudah berada di hujung kerongkong. Ketika saya fikir – *Karya Terakhir* – merupakan karya penutup, Allah ﷻ memberi rezeki untuk kami menulis:

- *Ujian Kita Usah Berdukacita*
- *Ajaklah DIA Sepatah Biarpun Sukar*
- *2 Kali Pertama Kali*
- *Jodoh Anugerah DIA*
- *Menuju Puncak*

Dan kini, *Indah dan Ajaibnya Rezeki*. Moga ia bermanfaat dan menjadi salah satu punca rezeki ketika kami menghadap Allah ﷻ pada hari penghakiman nanti.

Terima kasih kepada penerbit, Galeri Ilmu Media Group yang sudi menerima manuskrip ini dan seterusnya menerbitkan dalam bentuk yang ada sekarang.

Benar, mereka yang hampir, isteri dan anak-anak, sanak saudara dan rakan-rakan media sosial banyak mempengaruhi motivasi dalaman kami untuk terus berkarya. Sokongan mereka sentiasa kami hargai.

Kami hulur dan berdoa agar *Indah dan Ajaibnya Rezeki* diterima khalayak dan dimanfaatkan sepenuhnya.

Terima kasih semua.

**Muhd Kamil Ibrahim bersama Rakan-rakan.**



# PROLOG: INDAHNYA REZEKI MENULIS



*Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.* (Hadis riwayat Ibn Majah: 925)

Saya bersekolah Inggeris semasa sekolah rendah. Sejak kecil banyak membaca buku hikayat dan novel. Saya membaca Ernest Hemingway, *Islands in the Stream*; Irwin Shaw, *Rich Man, Poor Man* dan banyak lagi. Atuk Haji Muhammad Zain pesan, "Jangan sombong. Sombong ialah lebih daripada ketololan. Apa beza Lan yang pandai dari budak lain yang tolol, jika sombong itu diutamakan."

---

Sambung atuk lagi, "Orang sombong adalah orang yang bebal. Jangan biarkan anak kebun kehidupan kita ditanam oleh benih daripada bangsa asing."

---

Tajam menikam tamsil ibarat daripada atuk saya, lalu dia bercerita: Ketika Rasulullah ﷺ sedang bertafakur di Gua

Hira', tepat pada malam 17 Ramadan, tiba-tiba Jibril a.s. datang membawa wahyu. Jibril memeluk dan melepaskan Rasulullah ﷺ. Ini diulang tiga kali. Setiap kali Jibril memeluk Nabi, Jibril berkata, "Iqra'", yang bermaksud 'Bacalah!'. Namun Rasulullah ﷺ menjawab, "Ma ana bi qaari", maksudnya 'Saya tidak boleh membaca'.

Setelah diperintahkan oleh Malaikat Jibril tiga kali, lalu Nabi ﷺ bersabda, "Apakah yang harus aku baca?" Kemudian Malaikat Jibril menyampaikan lima ayat yang terkandung dalam Surah Al-'Alaq ayat 1-5:

***Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu  
Yang menciptakan (sekalian makhluk).***

***Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal  
darah.***

***Bacalah. Tuhanmu Yang Maha Pemurah.***

***Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.***

***Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.***

(Terjemahan Surah Al-'Alaq 96: 1-5)

Saya membaca sirah dengan pemikiran tersendiri, jika mahu belajar tetap kena berhadap muka dan berguru. Jibril a.s. datang dengan pelbagai cara menemui Muhammad, namun kedatangan awal adalah secara 'bertemu lutut dan berhadap muka', begitu dekat sehingga Jibril dapat memeluk Muhammad ﷺ.

Iman Al-Ghazali menyebut, "Kerja seorang guru tidak ubah seperti kerja seorang petani yang sentiasa membuang duri serta mencabut rumput yang tumbuh di celah-celah tanamannya."

Terbukti, kita mungkin telah membaca ribuan buku dan melakukan sesuatu perkara ‘berpuluh ribu jam terbang’, namun apabila berhadapan muka, guru akan mengajar indahnya terluka, mengubah kepompong menjadi rama-rama.

Seni tertinggi guru adalah untuk membangun kegembiraan dalam ekspresi kreatif dan pengetahuan. Itulah yang saya peroleh ketika bersama Dr MKI (penyelaras buku ini). Para guru yang bijaksana tidak menawari kita untuk masuk ke dalam rumah kebijaksanaan, melainkan membawa kebijaksanaan itu ke ambang fikiran kita untuk kita fikir dan nilai sendiri.

## Rezeki Pertama

Pepatah Arab menyebut, “Berikan seribu kecerdasan kepada orang bebal, tetapi satu-satunya yang dia ingin adalah kecerdasanmu.” Saya ditakdirkan satu sekolah dengan MKI ketika di MRSM. Semasa dia di tingkatan tiga, saya di tingkatan satu. Beza usia hanya setahun, beza kelas dua tahun.

MKI datang dengan satu watak percaya diri yang luar biasa. Dia kebal pada kritikan, nakal pada perwatakan, petah pada percakapan dan matang dalam strategi dan tindakan. Saya masih ingat catatan MKI dalam buku *Travelog Dakwah*, halaman pertama Bab 1 *Berdakwah*:

30 tahun yang lampau (1979), “Saya pernah menghalau rakan-rakan junior Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang mengajak saya dan rakan-rakan menunaikan sembahyang jemaah. Saya menempelak dan mencabar mereka.” Tulis MKI lagi, “Kenapa ajak kami? Sekiranya berani, pergi ajak pelajar-pelajar tingkatan lima. Pergilah! Cepat pergi! Selesai ajak mereka, datang balik ke sini!”

Pelajar tingkatan dua itu adalah saya dan rakan-rakan yang waktu itu berada di blok C, acah-acah berani mahu mengajak pelajar tingkatan empat di blok B, MRSM Pengkalan Chepa.



Saya banyak belajar secara tidak langsung daripada MKI, bagaimana teknik dia berpidato sehingga terpilih sebagai pemedato terbaik seluruh MRSM – langkah yang saya jejak kemudiannya. Indah dan ajaibnya rezeki dapat mempelajari keterampilan penting, bercakap penuh yakin dengan susunan bahasa indah gaya bercerita daripada telusur teladan langkah teratur MKI.



Dr MKI memberikan saya keyakinan bahawa 'kami boleh', apabila satu ketika di Dewan Besar MRSM dia berkata, "Cita-cita saya mahu jadi Perdana Menteri Malaysia."

Mengapa orang seperti MKI kekal yakin walaupun tidak lagi bercita-cita mahu jadi Perdana Menteri? Kerana tidak pernah dalam cerita, seekor singa berhenti berjalan hanya kerana dia takut di hadapan banyak anak anjing.

Ya, selalu ada dua, tidak lebih, tidak kurang. Seorang *master* dan magang (pelatih). Itu kata Yoda.

MKI adalah *master*, saya adalah magangnya.

MKI di Universiti Taibah, Madinah. Dia memulakan Universiti UMKI - Universiti Alam Maya. Beberapa orang terpilih untuk menulis atas talian dan setiap orang diberikan bilik kuliah masing-masing. Saya diberi peluang untuk menulis nota kuliah mingguan dengan judul '*Motivasi, Kehidupan dan Ilmu*'. Tidak banyak pun bilangan perkataan, hanya 500 perkataan sahaja seminggu.

Namun perandai tetap bergantung kepada diri sendiri. Saya bertanggung-tanggung dan tiada keutamaan. Akibatnya saya mendapat panahan kata-kata daripada MKI. Singkat dan berbisa.



Kata beliau (lebih kurang dalam ingatan saya), "Menulis 500 perkataan mudah jika kita buat sekarang dan beri keutamaan tanpa bertanggung. Bukan malas menunggu waktu lapang. Sekali selepas tawaf di Masjidilharam pun saya boleh siapkan 500 perkataan. Orang yang tiada disiplin tidak akan berhasil menyudahkan apa jua perkara dalam dunia ini."



Bukan saya seorang yang kena. Saya fikir guru kami Dr Fatanah, Bonda Nor dan ramai lagi pengkuliah kena libasan kata-kata berbisa Dr MKI. Dr MKI tidak buang kami, hanya kami yang malu sendiri.

Dr MKI kemudiannya beri saya peluang menulis catatan awal dalam buku yang diterbitkan pada tahun 2014 '*Bersamamu di Firdaus*'. Saya berasa memperoleh rezeki segunung emas dapat hadir dalam ingatan sang guru. Robert Frost, penyair Amerika Syarikat 1874-1963 menulis:

*Terdapat dua jenis guru: jenis yang akan mengisi kita dengan begitu banyak pukulan yang menjadikan kita tidak boleh bergerak, dan jenis yang memberikan kita sedikit rotan di belakang supaya kita dapat melompat ke langit.*

## **Rezeki Ketiga**

Guru biasa, bercakap. Guru yang baik, menerangkan. Guru yang hebat, berdemonstrasi. Guru yang unggul, memberi inspirasi. Apabila Dr MKI menulis buku *Karya Terakhir*, saya merasakan tertutuplah satu impian, mahu menulis bareng (bersama) Dr MKI.

Tup tup tup ... dia mengundang 25 orang pertama menulis buku '*Ujian Kita*', sesuatu yang saya tahu kemudiannya apabila wangian berita telah tersebar dan para penyumbang sudah pun menghantar bab masing-masing. Ketika jendela sudah ditutup, saya mengetuk pintu dan bertanya, "Mengapa daku kau lupakan *Master*?"

Dr MKI kata, "Tulis sekarang."

Jam 11 pagi dapat arahan, jam lima petang saya kirimkan dua bab kepada Dr MKI.

Emha Ainun Nadjib, pemikir dan penulis terkemuka Indonesia mencatat:

Kata ahli pedang, ilmu pedang tertinggi adalah kalau sudah boleh membelah kapas yang melayang-layang tanpa mengubah arah gerak kapas itu. Aneh, ujian tertinggi bagi keahlian pedang bukanlah besi atau batu karang melainkan kapas. Kekerasan yang telah mencapai puncaknya berubah menjadi kelembutan, kelembutan tak boleh dikalahkan oleh kekerasan.

Hati Dr MKI akan lembut melihat saya magangnya yang ikut setiap langkah *Master*. Alhamdulillah.



Isteri berkata, "Jom kita pindah ke Kondo Kemuncak supaya dekat dengan *Master*." Indah dan ajaibnya rezeki datang bertandang apabila kita percaya Allah Maha Kaya akan memberi apabila kita memenuhi syarat yang telah tertulis pasti.



Benar, rezeki itu pelbagai dan rezeki menulis - insya-Allah - masih bermanfaat meskipun usia sudah tiada. Terima kasih untuk itu kerana kami dapat mencatatkan sesuatu buat 'Ajaib dan Indahnya Rezeki'.



# Bab 1

## AR-RAZZAQ PEMBERI REZEKI

*Khuzaiifah Kamazlan*

**Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya tidak patut kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa, dan kamu adakan sekutu-sekutu bagi-Nya! Yang demikian (sifat dan kekuasaannya) ialah Allah Tuhan sekalian alam.”**

**Dan Dia menjadikan di bumi, gunung-ganang yang kukuh (tersergam tinggi) di atasnya, serta Dia melimpahkan berkat padanya dan menentukan padanya bahan-bahan makanan dalam empat masa sebagai jawapan bagi orang yang bertanya (tentang penciptaan bumi dan segala isinya). (Terjemahan Surah**

**Fussilat 41: 9-10)**

**A**llah berfirman dalam Surah Fussilat ayat 9 dan 10, yang memberi makna: Rezeki manusia telah disediakan oleh Allah ﷻ sebelum Adam dijadikan. Setelah Allah menciptakan bumi dan gunung-ganang, Allah telah tetapkan makanan-makanan yang mencukupi bagi seluruh makhluk-Nya sehingga hari kiamat, sesuaiilah dengan nama-Nya Yang Maha Pemurah, Yang Maha Pengasih dan Yang Maha Penyayang.

Rezeki yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah makanan-makanan yang dimakan oleh manusia dan binatang. Walau bagaimanapun, rezeki daripada Allah bukanlah makanan sahaja kerana nikmat-nikmat syurga yang dijanjikan oleh Allah ﷻ dinamakan dengan *rizqun karim* (rezeki yang mulia). Adakah di syurga nikmat makanan sahaja? Kita mulakan konsep rezeki dengan memahami betapa rezeki itu luas sifatnya.



"... sesuatu yang memberi manfaat kepada seseorang sama ada ia berbentuk kebendaan seperti wang, emas, kenderaan, rumah, pakaian dan makanan, ataupun ia berbentuk maknawi (abstrak) seperti kebahagiaan, kegembiraan, kecerdasan akal, idea, ilmu pengetahuan, tahap keimanan dan ketakwaan sama ada ia bersumber daripada yang halal atau yang haram dan sama ada ia memberi manfaat di dunia atau di akhirat."



Salah satu nama Allah ialah Ar-Razzaq, bermakna Maha Pemberi Rezeki. Allah menamakan diri-Nya dengan nama tersebut kerana Dia satu-satunya Zat yang memberi, menentu, mengatur dan membahagi-bahagikan rezeki kepada bukan sahaja manusia bahkan seluruh makhluk-Nya.

Allah mencabar orang kafir yang menyembah selain Allah dengan menanyakan mereka soalan-soalan yang tidak mampu mereka menjawabnya, kerana hakikat pemberi rezeki hanya milik Dia. Tidak berkongsi dan tidak berkolaborasi dengan

sesiapa dalam kalangan hamba-Nya. Firman Allah di dalam Surah Al-Rum ayat 40, bermaksud:

**Allah jualah yang mencipta kamu, kemudian memberi rezeki kepada kamu, sesudah itu Dia mematikan kamu, kemudian menghidupkan kamu semula. Adakah antara apa yang kamu sekutukan dengan Allah itu dapat berbuat sesuatu daripada segala yang tersebut? Maha Suci Allah dan Maha Tinggi daripada apa yang mereka sekutukan (dengan-Nya).** (Terjemahan Surah Al-Rum 30: 40)

Tujuan Allah menanyakan sedemikian agar manusia meyakini bahawa pada hakikatnya setiap rezeki yang diperolehnya adalah pemberian Allah semata-mata walaupun dari pandangan zahirnya dia memperoleh rezeki tersebut daripada majikannya, kerjayanya, perniagaannya dan pemberian orang lain kepadanya.

Allah hanya menggunakan mereka sebagai perantara atau penyebab untuk rezeki itu sampai kepada setiap hamba-Nya, bagaikan posmen yang menghantar surat atau barangan ke alamat-alamat tertentu. Bukanlah dia pemilik asal yang memberi barang-barang itu kepada penerima. Allah berfirman dalam Surah Al-Nahl ayat 53, bermaksud:

**Segala nikmat yang ada kepada kamu, maka adalah daripada Allah ...** . (Terjemahan Surah Al-Nahl 16: 53)

Allah memerintahkan manusia agar memerhati dan berfikir dengan mendalam tentang makanan yang dimakan, dari manakah asalnya, siapakah yang menjadikannya, menumbuhkannya agar manusia dapat memahami anugerah rezeki yang diberikan oleh Yang Maha Pemberi. Allah berfirman dalam Surah 'Abasa dari ayat 24 sehingga ayat 32, bermaksud:

**Maka hendaklah manusia itu melihat kepada makanannya. Sesungguhnya Kami benar-benar telah mencurahkan air (hujan dari langit). Kemudian Kami telah membelah bumi (dengan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh dari dalamnya) dengan sebaik-baiknya. Lalu Kami tumbuhkan biji-bijian di bumi itu; Dan buah anggur dan sayur-sayuran; Dan zaitun dan pohon-pohon kurma; Dan kebun-kebun yang menghijau subur; Dan pelbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput. Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak peliharaan kamu.** (Terjemahan Surah 'Abasa 80: 24-32)

Sekiranya manusia memahami hakikat tersebut, mereka benar-benar akan menjadi orang yang bersyukur kepada Allah ﷻ dan bersyukur itu adalah tuntutan pertama daripada Allah terhadap rezeki yang dikurniakan-Nya. Tetapi amat sedikit manusia yang bersyukur. Allah berfirman dalam Surah Al-A'raf ayat 10, bermaksud:

**Sesungguhnya Kami telah menempatkan kamu sekalian di bumi dan Kami jadikan untuk kamu di bumi pelbagai sumber penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.**

(Terjemahan Surah Al-A'raf 7: 10)

Selain manusia Allah juga telah menentukan rezeki kepada haiwan-haiwan ciptaan-Nya. Dalam sehari berapa banyak haiwan di darat dan di laut yang perlu dan berhajat kepada makanan, Allah jualah yang telah mengatur dan membahagi-bahagikan rezeki kepada haiwan-haiwan tersebut. Firman Allah dalam Surah Al-Hijr ayat 19 dan 20, bermaksud:

**Dan Kami telah membentangkan bumi dan Kami memacakkan padanya gunung-ganang yang tersergam**



Berkeluarga merupakan rezeki yang tidak ternilai anugerah Allah ﷻ. Hadirnya membawa bersama tanggungjawab yang bakal ditanya pada hari pembalasan.

*serta Kami tumbuhkan padanya setiap sesuatu menurut ukuran tertentu; Dan Kami jadikan untuk kamu di bumi, segala keperluan hidup, juga Kami makhluk-makhluk lain yang mana kamu bukanlah pemberi rezekinya.* (Terjemahan Surah Al-Hijr 15: 19-20)

Allah juga menerangkan tentang jaminan rezeki-Nya kepada seluruh makhluk-Nya dalam ayat 6 Surah Hud yang bermaksud:

**Tidak ada sesuatu pun binatang yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya. Dia mengetahui tempat tinggalnya (dunia atau tulang salbi) dan tempat penyimpanannya (akhirat atau rahim ibu). Semuanya itu tertulis di dalam Kitab (Lawh Mahfuz) yang nyata.** (Terjemahan Surah Hud 11: 6)

Dan juga firman-Nya dalam Surah Al-Ankabut ayat 60, bermaksud:

**Betapa banyak haiwan yang tidak mampu membawa rezekinya bersama (kerana kelemahannya), Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu serta Dia jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.** (Terjemahan Surah Al-Ankabut 29: 60)

Terdapat banyak hadis yang diriwayatkan daripada Nabi ﷺ yang menyatakan tentang ketetapan rezeki bagi hamba-hamba-Nya. Antaranya, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Abdurrahman, Abdullah bin Mas'ud r.a. dia berkata:

**Rasulullah ﷺ telah bercerita kepada kami dan Baginda adalah orang yang benar lagi dibenarkan: "Sesungguhnya seorang daripada kalian dikumpulkan penciptaannya dalam perut ibunya selama 40 hari dalam bentuk air mani, kemudian menjadi gumpalan darah selama itu juga, kemudian menjadi seketul daging selama itu juga. Kemudian diutus seorang malaikat, lalu dia meniupkan roh kepadanya dan dia diperintahkan untuk menulis empat perkara, tentang rezekinya, amalannya, ajalnya dan nasib yang tidak baik atau nasib yang baik baginya (kebahagiaannya)."**

(Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis itu menunjukkan bahawa rezeki yang ditetapkan Allah pasti akan sampai kepada tuannya sama ada cepat atau lambat, sama ada dengan cara yang mudah ataupun dengan cara yang susah. Seseorang itu tidak akan mati selagi dia belum memperoleh apa yang telah ditetapkan oleh Allah kepadanya. Maka apabila seseorang menghembuskan nafasnya, itu bermakna dia telah mencapai had rezeki yang telah ditakdirkan untuknya. Nabi ﷺ bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud, maksudnya:

***Sesungguhnya Ruhul Qudus (Jibril) telah mewahyukan ke dalam diriku bahawasanya seseorang tidak akan mati sehingga sempurna rezekinya dan tempoh ajalnya.*** (Riwayat Imam Ibnu Hibban)

Melalui hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Darda' r.a., beliau berkata Rasulullah ﷺ bersabda maksudnya:

***Sesungguhnya rezeki pasti akan datang kepada seseorang hamba sebagaimana pastinya ajal yang datang mencarinya.*** (Sahih Targhib)

Begitulah ... memahami dan mengamati konsep rezeki berpandukan Al-Quran dan hadis pastinya akan membawa khalayak pembaca kepada rasa indah dan ajaibnya dengan Ar-Razzaq, pemberi rezeki yang tidak pernah jatuh muflis walau sebanyak mana rezeki yang dianugerahkan kepada hamba-Nya.

Moga kita menjadi manusia yang sentiasa bersyukur dengan segala macam rezeki yang diberikan oleh-Nya.



## Bab 2

# TUNTUTAN MENCARI REZEKI

*Khuzairah Kamazlan*

Pertanyaan muncul, “Jika rezeki sudah ditetapkan oleh Allah ﷻ, kenapa perlu kita berusaha, berdoa dan bertawakal memohon rezeki daripada-Nya?”

Pertimbangkan ayat 10, Surah Al-Jumu’ah yang terjemahannya bermaksud:

***Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah limpah kurniaan Allah, serta ingatlah Allah sebanyak-banyaknya (dalam setiap keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).*** (Terjemahan Surah Al-Jumu’ah 62: 10)

Itulah perintah Allah ﷻ. Lalu orang yang berusaha mencari rezeki adalah untuk memelihara dirinya dan keluarganya daripada kehinaan meminta-minta dan mengharapkan bantuan orang lain. Sabda Nabi ﷺ daripada Abu Hurairah r.a. beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda:

***“Demi Tuhan yang nyawaku berada dalam genggamannya, sesungguhnya apabila seseorang antara kamu***

**itu mengambil tali kemudian mencari kayu bakar dan diletakkan di belakangnya adalah lebih baik daripada dia mendatangi seseorang yang telah dikurniakan oleh Allah kelebihan padanya, kemudian dia meminta kepada orang itu sama ada dia memberinya atau menolaknya.”** (Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Dalam hidup ini manusia tidak pernah sunyi daripada ujian, sama ada dia dari golongan atasan atau bawahan, terpelajar atau tidak, beramal dengan agama atau tidak, semuanya tidak terlepas daripada ujian. Salah satu ujian yang biasa ditempuhi ialah ujian dalam mencari rezeki. Ada yang dipermudahkan, ada yang disusahkan, ada yang berjaya memperoleh apa yang diinginkan, ada yang tidak. Semuanya diuji berbeza mengikut kemampuan masing-masing. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 155, yang terjemahannya bermaksud:

**Sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasan takut (terhadap musuh), kelaparan, kekurangan harta benda dan jiwa serta buah-buahan (hasil tanaman). Sampaikanlah berita gembira kepada orang yang sabar.** (Terjemahan Surah Al-Baqarah 2: 155)

Allah akan memberi pahala kepada orang yang berusaha dan bersabar dalam mencari rezeki buat dirinya dan ahli keluarganya. Oleh itu janganlah seseorang cepat berputus asa dalam usahanya mencari rezeki kerana setiap usahanya itu akan diberikan ganjaran oleh Allah ﷻ. Cepat atau lambat rezeki yang dia akan peroleh itu terpulang pada ketentuan Allah dan semestinya terdapat hikmah dalam setiap perkara yang ditentukan-Nya. Asalkan seseorang itu tidak berhenti berusaha dan berdoa. Sabda Nabi ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Habbah dan Sawa bin Khalid, kedua-duanya berkata:

*“Kami masuk menemui Rasulullah ﷺ ketika Baginda sedang memperbaiki sesuatu, lalu kami pun membantu Baginda dan Baginda pun bersabda, ‘Janganlah kalian berdua berputus asa dalam mencari rezeki selama mana kepala kalian masih bergerak. Sesungguhnya manusia dilahirkan oleh ibunya dalam keadaan merah tiada pambalut padanya, kemudian Allah ﷻ memberinya rezeki.’”*

## **Menjauhi dosa maksiat**

Allah yang maha memberi rezeki akan mempermudah sebahagian hamba-hamba-Nya dalam mendapatkan rezeki apabila Dia suka dan redha kepadanya. Apabila Dia murka kepadanya, Dia akan menghalang rezeki untuk sampai dengan mudah kepadanya. Dosa dan maksiat adalah penyebab kepada kemurkaan Allah dan terhalangnya seseorang daripada mendapat rezeki dengan mudah. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Tsauban r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

*“Tiada yang dapat menambahkan umur melainkan kebaikan. Tiada yang dapat mengubah takdir melainkan doa dan sesungguhnya diharamkan rezeki kepada seseorang itu kerana dosa yang dilakukannya.”*

## **Bertakwa**

Takwa ialah bersungguh-sungguh dalam meninggalkan larangan-larangan Allah semata-mata kerana Allah. Allah menjanjikan rezeki yang tidak disangka-sangka kepada orang yang bertakwa. Firman Allah ﷻ dalam Surah Al-Talaq ayat 2 dan 3, bermaksud:

... Sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (daripada segala perkara yang menyusahkan). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. ... (Terjemahan Surah At-Talaq 65: 2-3)

## Tawakal

Setelah seseorang itu berusaha, maka hendaklah dia menyerahkan urusan rezekinya kepada Allah kerana Allah jualah yang akan menentukan hasil daripada usahanya itu. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmizi daripada Umar Al-Khattab r.a. beliau berkata, aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

*Sekiranya kamu benar-benar bertawakal kepada Allah, nescaya Dia akan memberi rezeki kepada kamu sebagaimana Dia memberi rezeki kepada burung. Burung itu keluar dari sarangnya pada waktu pagi dalam keadaan lapar dan pulang pada waktu petang dalam keadaan kenyang.*



Rezeki menjadi guru tahfiz kepada anak-anak ini membawa kepada banyak rezeki yang lain. Sungguh, rezeki mendampingi Al-Quran sangat indah.

**30** penulis berbicara tentang rezeki yang telah dianugerah-Nya. Ia catatan mengucapkan syukur kepada Pemberi Rezeki.

*Allah jualah yang menciptakan kamu, kemudian Dia memberi rezeki kepada kamu, sesudah itu Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu semula. Adakah antara apa yang kamu sekutukan dengan Allah itu dapat berbuat sesuatu daripada segala yang tersebut? Maha Suci Allah dan Maha Tinggi daripada apa yang mereka sekutukan (dengan-Nya). - Ar-Rum 30: 40*

Sungguh ... segalanya indah dan ajaib jika **REZEKI** yang dianugerah-Nya diakhiri dengan rasa **SYUKUR** dan **REDHA**.

Marilah kita berdoa agar dianugerahkan memasuki **SYURGA** tanpa dihisab dengan **RAHMAT-NYA**.

ISBN 978-629-7556-71-0



9 786297 556710

GB0791

Sem. Malaysia : RM40.00  
Sabah/Sarawak : RM42.00



www.galeriilmu.com.my | info@galeriilmu.com.my | 03 61421614